



PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI PERAK
(UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI)
TINGKAT 8, 9 & 10,
BANGUNAN TABUNG HAJI,
JALAN KOO CHONG KONG,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.



JABATAN PERDANA MENTERI
Telefon : 05-2497400 - Am
05-2497405
Faks : 05-2497406
<http://www.prk.icu.gov.my>

Bil.(34)d/m.UPP.PPN.A.177/441/1

Semua Pegawai dan Kakitangan,

ARAHAN KESELAMATAN PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI PERAK

Tujuan

Arahan ini dikeluarkan sebagai panduan bagi meningkatkan kualiti keselamatan perlindungan di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak (PPN) dan Pejabat-Pejabat Zon.

Keselamatan Fizikal

2. Setiap anggota dikehendaki memakai Pas Keselamatan ketika berada di Pejabat.
3. Pintu utama (depan dan belakang) setiap aras hendaklah sentiasa ditutup.
4. Pelanggan tanpa Pas Pelawat tidak dibenarkan masuk.
5. Pintu-pintu utama di setiap aras dan tingkap hendaklah dipastikan dikunci sebelum balik.
6. Anggota yang menyimpan kunci pendua pejabat tidak dibenarkan meletakkan label pada kunci tersebut dan tidak dirangkaikan dengan kunci peribadi.
7. Pegawai yang akan bertukar, meletak jawatan, tamat kontrak, bersara pilihan/wajib bertanggungjawab memulangkan Kunci Pendua Pejabat (jika ada) dan Pas Keselamatan kepada Unit Pentadbiran PPN.

Keselamatan Dokumen

8. Bilik fail hendaklah dikunci pada setiap masa. Hanya Kerani Fail yang dibenarkan memasuki bilik berkenaan.
9. Rekod keluar/masuk surat, Buku Despatch dan lain-lain dokumen berkaitan urusan surat-menyurat hendaklah dikemas kini dan dipantau untuk mengelakkan berlakunya kehilangan surat.

Keselamatan ICT

10. Peminjam komputer riba bertanggungjawab menghapuskan semua dokumen yang diwujudkan sebelum komputer riba tersebut dipulangkan kepada Pegawai Aset.
11. Media komputer mudah alih seperti *thumbdrive* dan *compact disk* hendaklah diimbas (scan) sebelum digunakan.